

# Penciptaan transformasi digital kekang wabak

**Kuala Lumpur:** Syarikat Taiwan yang menawarkan perkhidmatan penyelesaian e-perniagaan untuk pelbagai sektor, Acer-e-Enabling Service Business Inc (AEB), membangunkan sistem berasaskan penyelesaian transformasi digital C3A+P bagi mengekang penularan wabak penyakit.

Sistem Penjagaan Kesihatan Taiwan-Pengawasan Jangkitan Kesihatan dan Rintangan Antimikrob Bersepadu (THAS) itu bertujuan menyediakan analisis dan data kepada pihak berkaitan.

Ketua Pegawai Pemasaran ACER, Ray Lin, berkata sistem itu memberi peluang kepada pihak berkaitan membuat keputusan tepat berdasarkan data dan analisis berkenaan.

"Ia memberi pihak berkaitan platform maklumat yang membolehkan mereka menerima data penting bagi mengesan, menganalisis dan membuat keputusan lebih baik serta sangat penting untuk mengekang wabak.

"Pihak berkenaan mempunyai peluang lebih baik untuk mengatasi wabak dan menangani virus secara saintifik apabila mempunyai platform maklumat kukuh untuk menyokong sebarang keputusan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam

## Sistem Penjagaan Kesihatan Taiwan - Pengawasan Jangkitan Kesihatan dan Rintangan Antimikrob Bersepadu (THAS)



temu bual secara dalam talian bersama BH yang turut dihadiri Pengarah dan Pengurus Projek THAS, AEC, Tiffany Lue, baru-baru ini.

Lin berkata, sistem berkenaan mampu membantu menyelamatkan nyawa manusia. Kerajaan dan pihak berkaitan boleh membentuk dasar serta membuat keputusan berdasarkan sains dan data.

Keputusan itu katanya, akan memberi gambaran jelas berhubung kaedah untuk mengekang pandemik COVID-19 dalam kalangan masyarakat.

"Ia antara lain memberi peluang kepada pakar melihat trend penularan dan kaedah pencegahan sebelum situasi buruk berlaku.

"Ia juga memberi peluang lebih baik untuk bertindak balas dengan segera dan proaktif, berdasarkan maklumat tepat, walaupun tidak berkeupayaan menghalang penularan pandemik," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penyediaan sistem berkenaan sekali gus menangkis tanggapan bahawa ACER AEB hanya bagi platform perniagaan-kepada-pengguna (B2C).

Sebaliknya, beliau berkata, ACER AEB turut menawarkan perkhidmatan perniagaan ke perniagaan (B2B) IT, khususnya bagi pasaran di Taiwan, sejak 20 tahun lalu.

"Bermula dengan misi ACER, memecahkan halangan antara



**Kakitangan kumpulan syarikat** yang menyediakan perkhidmatan penyelesaian e-perniagaan untuk pelbagai sektor.

manusia dan teknologi', kami sentiasa mencari kaedah untuk membantu, bukan sahaja bagi manusia tetapi kepada syarikat untuk menggunakan teknologi terkini.

"Kami menyediakan perkhidmatan IT kepada 70 peratus agensi kerajaan dan 60 peratus Top 100 syarikat di Taiwan, selain lebih 200 Top Pembekal IT," katanya.